

Khutbah Aidil Fitri 1427H/2006M

Bertajuk : Aidil Fitri Membina Kekuatan Ummah

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَأَعَزَّ جُنْدُهُ وَهَزَمَ
الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ
الْحَمْدُ.

نَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ
الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَنَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا
وَقُدُّوتِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَالتَّبَعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita bertaqwa kepada Allah S.W.T dengan sebenar-benar taqwa, janganlah kita meninggalkan dunia ini, melainkan dalam keadaan kita menjadi seorang Islam yang beriman kepada Allah S.W.T

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Hari ini 1 Syawal 1427 hijrah, seluruh umat islam didunia menyambut Aidil Fitri dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Aidil Fitri melambangkan satu kejayaan. Aidil Fitri melambangkan satu amanah. Aidil Fitri mengajar kita supaya bersatu padu. Dengan kata lain, Aidil Fitri memberi seribu erti kepada umat islam.

Aidil Fitri menandakan berakhirnya bulan ramadhan yang mulia. Bulan yang dipenuhi dengan rahmat, keampunan dan kebebasan dari api neraka. Bulan yang padanya diwajibkan berpuasa. Bulan yang padanya terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Bulan yang mewajibkan umat Islam memberikan zakat fitrah. Bulan yang digandakan pahala amalan sehingga 700 kali ganda. Lantas berebut-rebut dan berlumba-lumbalah umat Islam dahulu dan kini, untuk mendapatkan segala kelebihan dan fadhilat ramadhan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin dan muslimat sekalian,

Aidil Fitri mengajarkan kita bahawa umat Islam mempunyai kekuatan yang tersendiri. Bahkan ramadhan itu sendiri digelar bulan kemenangan. Kemenangan hanya boleh dicapai oleh mereka yang mempunyai kekuatan.

Orang yang sanggup bangun waktu dinihari untuk bersahur adalah orang yang kuat. Orang yang membayar zakat fitrah adalah orang yang kukuh disusut kewangannya. Orang yang sanggup berdiri solat malam sehingga 20 rakaat juga adalah orang yang mempunyai kekuatan, bahkan kesepaduan hati umat Islam untuk berpuasa pada

satu masa yang sama dan dengan mematuhi peraturan hukum yang sama, menunjukkan bahawa umat Islam mempunyai kekuatan yang tersendiri, iaitu kekuatan "*Wahdatul Amal*", kekuatan kesepaduan tindakan.

Justeru, kita telah melihat sejarah telah merakam pelbagai kejayaan dan kemenangan kepada umat Islam dalam bulan ramadhan. Lihatlah, seawal tahun kedua hijrah, negara Iskam yang dibina oleh Rasulullah S.A.W cuba diserang oleh 1000 orang bala tentera musyrikin. Peristiwa ini berlaku dalam bulan ramadhan. Lapan bulan kemudian, kita melihat bagaimana Rasulullah S.A.W dan umat islam berjaya kembali ke Mekkah dan membebaskan kota suci itu daripada kekuasaan kaum musyirikin. Peristiwa ini juga berlaku dalam bulan ramadhan atau lebih tepat lagi pada 20 ramadhan tahun kelapan hijriah.

Kemenangan didalam bulan ramadhan terus diperolehi umat Islam selepas kewafatan Rasulullah S.A.W . Pada tahun 92 hijriah, panglima tentera Islam bernama Toriq bin Ziad yang ketika itu walaupun diperingkat remaja lagi, telah berjaya mengarahkan bala tenteranya menyeberangi selat Gibraltar untuk membebaskan bumi Andalus atau Spanyol dari cengkaman musuh-musuh Islam.

Apabila pasukan tentera Islam berjaya mendarat di pantai Jabal Toriq, Toriq bin Ziad memberikan motivasi terhebat kepada tenteranya iaitu dengan menyampaikan ucapan penuh semangat meminta tentera Islam berjuang sehingga memperolehi kemenangan atau mati syahid.

Dengan semangat perjuangan yang ditiupkanoleh Toriq bin Ziad tersebut, akhirnya tentera Islam berjaya mendapat pertolongan Allah S.W.T mengalahkan tentera musuh. Peristiwa yang menjadi permulaan sampainya Islam ke benua Eropah ini berlaku dua hari sebelum Aidil Fitri iaitu pada 28 ramadhan 92 hijriah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin dan muslimat sekalian,

Peristiwa 'Ain Jalut yang menyaksikan kemenangan umat Islam pimpinan Saifuddin Qutuz mengalahkan tentera Tatar di Palestin juga berlaku didalam bulan ramadhan. Peristiwa 'Ain Jalut juga memberikan kemenagan kepada umat Islam apabila negara-negara Islam yang terdiri daripada Mesir dan negeri-negeri Syam berjaya disatukan. Peristiwa kemenangan gilang-gemilang ini berlaku pada 15 ramadhan tahun 658 hijriah.

Pada tahun 1973 masihi, dunia digemparkan dengan kemenangan umat Islam di Mesir keatas tentera Zionis Israel yang menjajah semenanjung Sinai selama 7 tahun. Peperanggan yang dikenali sebagai Ma'rakatul-'Ubur itu menyaksikan tentera Mesir berjaya menyeberangi terusan Suez dan membebaskan kem Berlif serta akhirnya menghalau tentera rejim Israel dari semenanjung Sinai hingga kesempadan Taba. Kemenagan yang membebaskan tempat-tempat bersejarah peninggalan Nabi Musa, Nabi Harun, Nabi Syuib, Nabi Soleh, Nabi Illiyas, dan lain-lain itu berlaku pada 10 ramadhan tahun 1393 hijriah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Saudaraku kaum muslimin sekalian,

Kemenangan demi kemenangan yang diperolehi oleh umat Islam terdahulu didalam bulan ramadhan menjadikan mereka manusia sentiasa bersyukur dan berterima kasih kepada Allah. Lantas apabila tibanya hari raya, meraka melaungkan takbir mambesarkan Allah S.W.T. Laungan Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, bergema setiap lorong, rumah dan masjid. Takbir mereka mengiringi kemenangan. Takbir mereka mengiringi kejayaan menewaskan musuh.

Malangnya kita diakhir zaman ini, walaupun setiap tahun kita melaungkan takbir hari raya, namun umat Islam terus ditindas dan diperhina. Kita melaungkan takbir di masjid-masjid, sedangkan umat Islam di palestina, di Iraq, di Lubnan, di Afghanistan terus disembelih dan dirataholeh musuh-musuh Islam.

Setiap hari raya kita bertakbir, tetapi umat Islam terus hidup dalam kehinaan, merempat dan kebuluran di beberapa buah negara.

Setiap kali datangnya Aidil Fitri dan Aidil Adha, kita melaungkan takbir, tetapi masih lagi ada dikalangan umat Islam bertindak keluar dari agama Islam. Suatu ketika dahulu, kita hanya mendengar murtad berlaku di negara luar, tetapi hari ini, kita menyaksikan sudah ada anak melayu di negara kita yang mengisytihar diri mereka keluar daripada agama Islam. Lebih biadab lagi, apabila ada yang sanggup mengemukakan saman keatas pihak berkuasa agama, kerana tidak mengeluarkan surat membenarkan murtad, bahkan mereka turut mengheret jabatan pendaftaran ke mahkamah, kerana enggan menuruti kehendak mereka memadamkan kalimah Islam pada kad pengenalan mereka.

Kita juga merasa dukacita, kerana sejak akhir-akhir ini muncul pelbagai fahaman baru dikalangan umat Islam yang boleh merosakkan akidah mereka. Jika umat Islam terdapat terdahulu terpaksa berhempas pulas menentang golongan Mu'tazilah, Jabariah, Qadariah dan sebagainya, maka pada hari ini kita terpaksa berhadapan dengan golongan Pluralisma, golongan Libralisma dan remaja yang membawa budaya Hedonisme.

Golongan Pluralisma ini menganggap semua agama itu sama. Semua agama membawa kebaikan. Tidak ada agama mengajak kepada kejahatan. Justeru, mereka tidak menganggap salah jika ada umat Islam yang ingin murtad dan ingin menukar agamanya.

Golongan Libralisma pula menuntut supaya ajaran Islam supaya disesuaikan dengan kehendak semasa. Hukum-hukum yang dianggap tidak relevan dan dituduh menzalimi sesetengah kaum hendaklah dipinda. Golongan ini menolak hukum jihad, hukum faraid dan sebagainya. Mereka lebih suka mengamalkan Islam menurut

tafsiran sendiri dan membelakangkan penerangan al-Quran dan hadith Rasulullah S.A.W.

Manakala budaya Hedonisme pula dianuti para remaja yang tidak peduli batas-batas agama, yang penting bagi mereka ialah keseronokan. Mereka bebas bergaul samada lelaki atau perempuan, minum arak, berzina dan sebagainya. Semua fenomena yang berlaku ini mengajar kita supaya kembali membina kekuatan Islam yang hilang. Kekuatan Islam berbeza dengan kekuatan pihak lain. Kekuatan pihak lain terlatak kepada kekuatan kebendaan zahir mereka, tetapi kekuatan Islam terletak pada ajaran Islam itu sendiri.

Seandainya umat Islam berpegang teguh dengan ajaran Islam, maka Akan datanglah kekuatan yang tidak dapat dikalahkan oleh sesiapa pun di dunia ini. Pernah suatu ketika, seorang Perdana Menteri Britain memegang mushaf al-Quran dalam parlimen Britain dan berkata : "Sekiranya buku ini (al-Quran) terus menjadi pegangan kepada umat Islam, maka selagi itulah barat tidak dapat mengalahkan umat Islam. Oleh itu, buku ini perlu dipisahkan daripada umat Islam".

Sheikh Yahya Muhammad Illiyas di dalam bukunya (Al-Ghazwul Fikri) menceritakan, ketika Raja Perancis ke-9 dibebaskan dari penjara Mansurah, Mesir, beliau pulang ke Perancis dan berucap dihadapan rakyatnya : " Untuk mengalahkan umat Islam, kalian tidak boleh menggunakan pedang, kerana terbukti, kita telah tewas sejak ratusan tahun, ketika kita berhadapan dengan umat Islam di dalam peperangan bersenjata, tetapi untuk mengalahkan mereka, perangilah mereka disudut akidah Islam, kerana disitulah terletaklah punca kekuatan umat Islam".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin sekalian,

Sesungguhnya musuh-musuh Islam sentiasa memerhati dan mengkaji kekuatan umat Islam. Mereka tahu bahawa Islam menjadi kuat apabila umatnya berpegang teguh dengan ajaran Islam, hidup

berpandukan al-Quran, amalan berdasarkan Sunnah Rasulullah S.A.W.

Justeru, marilah kita sama-sama menggali mutiara-mutiara yang terkandung dalam al-Quran untuk dijadikan panduan dan amalan hidup. Sepanjang bulan ramadhan yang lalu, kita bertadarus membaca kitab Allah ini. Maka setelah tamat bulan ramadhan ini, sewajarnya kita meningkatkan bacaan kita, dengan mengkaji dan mempelajari serta mengamalkan isi kandungan al-Quran.

Al-Quran bukan sekadar kitab yang diturunkan untuk dibaca dan dilagukan sahaja, bahkan ia berperanan jauh lebih besar, membimbing manusia kejalan yang diredhai Allah S.W.T. Al-Quran mengandungi segala panduan hidup, peraturan dan hukum-hukum serta perkhabaran perkara yang telah, sedang dan akan berlaku. Al-Quran juga merupakan sumber segala ilmu pengetahuan. Firman Allah S.W.T

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ
وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ.
(البقرة: 185).

"Bulan ramadhan yang diturunkan padanya al-Quran (sebagai) pentunjuk bagi sekalian umat manusia dan keterangan yang menjelaskan pentunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dan yang salah ".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin sekalian,

Ketahuiilah bahawa sesungguhnya umat Islam berada dikemuncak kejayaan apabila merek bersatu padu dan berpegang teguh dengan ajaran Islam, sebaliknya mereka dikalahkan oleh musuh, apabila meninggalkan ajaran Islam.

Utusan Raja Parsi merasa hairan bagaimana Saidina Umar, seorang pemimpin terhormat sebuah negara Islam yang berkedudukan serta berpengaruh, boleh tidur dan berehat dibahan pohon kurma. Mereka membayangkan, sebagai seorang ketua negara yang sentiasa menang didalam peperangan, pastinya Saidina Umar seorang raja yang gagah perkasa, tinggal dalam istana yang besar, dikelilingi tembok yang kukuh dan dikawal rapi oleh pahlawan –pahlawan yang gagah perkasa. Rupa-rupanya Saidina Umar yang begitu digeruni oleh kuasa dunia ketika itu, hanya tinggal dalam sebuah rumah yang dibuat daripada tanah liat dan masih berkesempatan berehat dibawah pokok, tanpa sebarang kawalan.

Saidina Umar mengajar kaumnya, jika mahukan kekuatan, binalah Islam didalam diri masing-masing dan bukannya bergantung kepada material semata-mata. Oleh itu baginda pernah menegaskan dengan katanya :

نَحْنُ قَوْمٌ أَعَزَّنَا اللَّهُ بِالْإِسْلَامِ فَمَهْمَا نَبْتَغِ الْعِزَّ بِغَيْرِهِ
أَذَلَّنَا اللَّهُ.

" Kita adalah kaum yang mulia dengan sebab beragama Islam. Kalaulah kita mencari kemuliaan melalui jalan yang lain daripada Islam nescaya kita akan menjadi hina ".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Saudaraku kaum muslimin dan muslimat sekalian,

Pada hari ini kita diwajibkan melaksanakan satu lagi kewajiban sebagai umat Islam, iaitu kewajiban membayar zakat fitrah. Zakat fitrah diwajibkan kepada umat Islam dengan tujuan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik. Zakat fitrah juga mengajar manusia supaya sentiasa mengamalkan sikap tolong menolong dan berukhwah sesama Islam. Islam tidak membenarkan umatnya bersikap pentingkan diri sendiri.

Dalam hal lain, Islam terbukti menjadi agama yang paling rasional, relevan dan sederhana. Dari segi pemilikan harta, sistem kapitalis menganggap harta itu milik mutlak tuannya dan dia berhak untuk menggunakan harta itu semuanya. Manakala komunis pula menganggap harta itu milik mutlak kerajaan dan tuan punya harta tidak ada hak keatas hartanya. Maka Islam sebagai agama sederhana, meletakkan harta sebagai milik Allah, manakala manusia diamanahkan untuk menguruskannya mengikut arahan Allah S.W.T. Allah yang maha pemurah mengizinkan manusia menggunakan harta berkenaan, tetapi manusia perlu menyedari, bahawa didalam hartanya itu ada hak orang miskin, ada hak sifakir dan ada *fi sabillillah* yang mesti ditunaikan. Justeru, menunaikan zakat adalah salah satu cara untuk membersihkan harta daripada bercampur dengan hak-hak orang lain.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Saudaraku sekalian,

dalam suasana kita berseronok menyambut hari raya ini, janganlah kita lupa pada Allah S.W.T dan janganlah kita melanggar batas-batas akhlak yang telah ditetapkan oleh Islam. Hari raya adalah perayaan agama, perayaan yang ada hubung kaitnya dengan ibadat, maka jayakanlah ia sebagai satu ibadat dan jangan jadikannya sebagai pesta maksiat.

Sambutlah hari raya ini dengan aktiviti yang berguna seperti bermaaf-maafan, ziarah-menziarahi, bersedekah, mengeratkan hubungan silaturahim, persahabatan dan lain-lain.

Dalam kegembiraan ini juga, janganlah hendaknya ada yang menyambut hari raya sehingga meninggalkan ibadat solat yang difardhukan oleh Allah S.W.T. sesungguhnya solat membezakan antara seseorang yang beragama Islam dan bukan Islam. Solat juga adalah amalan yang membuktikan seseorang itu bertaqwa kepada Allah S.W.T

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،
الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ
يُنْفِقُونَ. (البقرة: 3).

بَرَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ؛ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

خطبه عيد الفطر يغ كدوا

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ
الْحَمْدُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَإِنِّي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدَ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin dan muslimat sekalian,

Marilah pada hari raya yang penuh berkat ini, kita merasakan betapa besarnya nikmat iman dan Islam yang dikurniakan kepada kita oleh Allah SWT. Hanya kematian didalam iman dan Islam sahajalah yang diredhai oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. (آل عمران: 102).

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwadan janganlah kamu meninggalkan dunia ini, melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Saudaraku kaum muslimin sekalian,

Kita bersyukur kepada Allah kerana menjadikan kita orang yang memilih masjid sebagai tempat pertama yang dikunjungi pada hari raya ini. Kita datang kesini dengan tujuan untuk menunaikan solat Aidilfitri. Sesungguhnya kita memilih masjid sebagai tempat kunjungan pertama kerana ia adalah rumah Allah yang mulia dan mempunyai kedudukan yang tinggi.

Masjid adalah pusat segala aktiviti kebaikan bagi umat Islam. Lantaran itu, pada hari yang bertuah ini, saya menyeru diri saya dan tuan-tuan sekalian, supaya kita memelihara kesucian dan kemuliaan masjid. Marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid dengan pelbagai aktiviti yang berguna. Jika pada bulan Ramadhan yang lalu, kita sering berkunjung ke masjid untuk menunaikan solat tarawih yang hukumnya sunat, maka selepas Ramadhan ini, marilah kita memenuhkan masjid untuk menunaikan solat yang hukumnya wajib.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin sekalian,

Dalam bulan Syawal ini, kita digalakkan untuk melakukan satu lagi ibadat iaitu berpuasa selama enam hari. Nabi SAW menggalakkan kita berpuasa selama enam hari dalam bulan Syawalsepertimana sabda baginda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ
الدَّهْرِ.
(حديث رواية مسلم).

Maksudnya: "Barangsiapa berpuasa (penuh) di bulan Ramadhan, lalu diikuti dengan berpuasa selama enam hari dalam bulan Syawal, maka dia seolah-olah berpuasa sepanjang tahun".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin sekalian,

Dunia hari ini gempar dengan berbagai bala bencana. Semua itu tidak akan berlaku dengan sendiri jika tidak dengan izin Allah SWT. Justeru, bersegeralah bertaubat kepada Allah SWT. Hindarilah sebarang bentuk kemungkar. Didiklah isteri dan anak-anak kita dengan didikan Islam. Pastikanlah mereka menunaikan solat, menutup aurat, hormat kepada orang tua, beradab didalam muamalat seharian. Galakkan mereka menuntut ilmu agama dan mengimarahkan masjid Allah SWT dengan mengerjakan ibadat dan solat. Semoga kita dilindungi Allah SWT daripada sebarang bala bencana di dunia dan seterusnya diselamatkan daripada azab hari akhirat kelak.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin sekalian,

Pada hari ini juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salamkeatas baginda nabi Muhammad SAW yang telah menyampaikan Islam kepada kita, melalui berbagai bentuk jihad dan

pengorbanan. Tanda kasih kita kepada baginda, hendaklah dirakamkan dalam bentuk ucapan selawat dan salam sebagai mematuhi perintah Allah SWT dengan firmanNya:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى نَبِيِّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. (الأحزاب: 56).
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصِرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

Wahai tuhan kami, berilah pertolongan kepada perkembangan agama Islam, sebagai agama yang mulia dan tinggi, berilah kekuatan kepada kami untuk memartabatkan Islam dan dan menghayatinya dalam diri kami, keluarga dan anak-anak isteri kami Ya Allah,

Hidupkanlah kesan-kesan baik yang ditinggalkan oleh Ramadhan seperti amalan berpuasa, solat tarawih, membaca Al-Quran, bersedekah dan berdoa. lindungilah kami dari ajaran-ajaran sesat, bid'ah, khurafat dan amalan-amalan jahiliah.

Ya Allah,

Kurniakan kerahmatan dan penjagaan, kesuburan dan penghasilan, keatas negeri kami, negeri Selangor Darul Ehsan. Jadikan rakyatnya bersatu-padu, berilmu pengetahuan dan berakhlak mulia, taat kepada Allah dan rasul, menghormati raja dan para pemimpin.

Ya Allah,

Peliharalah kami daripada segala bencana buruk, jauhkanlah kami daripada malapetaka dunia seperti rebut taufan, banjir besar,

gempa bumi serta jauhkanlah kami daripada wabak penyakit yang memusnahkan hidup kami, amin ya rabbal 'alamin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان
صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَلِوَالِدِينَا وَلِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا

عَذَابِ النَّارِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ، يَا عَزِيزُ، يَا غَفَّارُ، يَا
رَبَّ الْعَالَمِينَ. سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَءَاخِرُ
دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، يَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

جعنخ / ححس **
6.10.2006